

17/05/2000

Landasan betul untuk didik murid

INGATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya guru jangan menyemai nilai dan budaya buruk di kalangan pelajar hingga boleh memecah-belahkan perpaduan dan melemahkan negara, tentu tidak dipertikaikan oleh sesiapa termasuk kalangan guru yang menyambut perayaan Hari Guru semalam. Teguran Perdana Menteri itu adalah berasas memandangkan ada kecenderungan di kalangan guru yang bertindak sebagai penyebar fitnah dan memburuk-burukkan kerajaan serta pemimpin kepada pelanggan mereka, iaitu murid-murid sekolah termasuk pada peringkat prasekolah dan sekolah rendah yang disifatkan sebagai kain putih itu. Barangkali jumlah mereka kecil berbanding jumlah keseluruhan guru di negara ini, tetapi sudah cukup untuk mencemarkan profesion keguruan yang selama ini dianggap mulia dan lohor itu. Kita juga harus ingat, secara matematik seorang guru biasanya berhadapan dengan sekitar 40 hingga 200 murid dalam setahun, iaitu berdasarkan jumlah kelas yang diajar oleh seseorang guru dalam tempoh setahun.

Oleh itu, walaupun bilangan guru yang tidak bertanggungjawab itu kecil, bilangan murid yang diracuni pemikiran mereka adalah ramai menjangkau sehingga maksimum 200 murid bagi seseorang guru. Oleh yang demikian, kita amat bersetuju dengan ingatan Perdana Menteri supaya guru berpegang teguh kepada etika keguruan dengan memberi tumpuan sepenuhnya dalam membentuk budaya, tamadun dan keilmuan bangsa. Sama ada bangsa dan negara kita maju atau mundur banyak bergantung kepada masyarakat guru. Guru bukan saja bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid tetapi bertanggungjawab juga kepada pembentukan peribadi murid bagi menghadapi pelbagai cabaran pada masa depan.

Kita berpendapat, sempena menyambut Hari Guru tahun ini, semua warga guru di negara ini, sama ada yang berkhidmat dengan kerajaan atau sekolah swasta hendaklah merenung kembali pembabitan mereka dalam menyampaikan pendidikan kepada pelajar masing-masing. Hanya dengan menginsafi kesilapan dilakukan, terutama jika tindak-tanduknya bertentangan dengan aspirasi negara yang dimanifestasikan melalui Falsafah Pendidikan Negara (FPN) itu, maka barulah hasrat tema sambutan Hari Guru tahun ini "Bersatu memartabatkan profesion keguruan" mempunyai asas untuk dibanggakan. Jika tidak bukan saja martabat profesion keguruan akan dipertikai, malah mencetuskan rasa bimbang di kalangan ibu bapa untuk menyerahkan anak masing-masing bagi dididik oleh guru. Oleh yang demikian, semua pihak harus memastikan setiap guru berada di landasan yang betul sebelum dibenarkan melaksanakan tanggungjawab mendidik pelajar pada semua peringkat. Kita tidak boleh membenarkan lagi walaupun seekor kerbau membawa lumpur, kerana jumlah yang akan terpalit adalah ramai.

Bagi guru yang tidak terbabit dalam menyemai bibit negatif, seharusnya menjadikan sambutan Hari Guru sebagai pemangkin bagi meningkatkan komitmen menyampaikan ilmu dan mendidik pelajar. Mereka hendaklah menerima saranan Perdana Menteri ketika berucap merasmikan sambutan Hari Guru di Ipoh itu secara terbuka iaitu supaya guru meningkatkan ilmu dan profesionalisme masing-masing. Mereka hendaklah sanggup menerima latihan semula supaya ilmu yang akan disampaikan sejajar dengan perkembangan semasa terutama dalam menangani era teknologi maklumat (IT) dan globalisasi yang menjadi unsur terpenting dalam alaf baru ini. Ilmu yang diperlukan, tidak terhad seperti dulu dan penyampaiannya juga adalah berbeza di samping perlu mempunyai kecekapan dan kepakaran menggunakan peralatan yang canggih.

Tanpa kecekapan dalam bidang IT, dengan segala alat dan caranya, bangsa kita mungkin ketinggalan zaman dan dikuasai oleh bangsa lain yang cekap memperalatkan IT untuk menguasai ilmu, ekonomi, politik dan budaya dunia.

Kita yakin, jika semua guru bersatu untuk memartabatkan profesion keguruan seperti disarankan Perdana Menteri itu, masyarakat guru akan kembali dihormati sama seperti zaman sebelum dan baru mencapai kemerdekaan dulu. Guru akan mendapat pengiktirafan semula di kalangan murid, ibu bapa dan masyarakat. Bagaimanapun profesionalisme yang tinggi saja belum mencukupi untuk memartabatkan profesion keguruan, ia hendaklah dikuatkan lagi dengan kelakuan. Guru mesti ada karakter dan menjaga kelakuan bukan saja di sekolah tetapi di sepanjang masa dan di semua tempat. Kita percaya di samping tuntutan perubahan sikap di kalangan guru bagi menghadapi cabaran alaf baru, kerajaan sendiri tidak akan mengabaikan soal kebajikan guru yang sehingga kini belum ditangani seperti sewajarnya.

(END)